

# PIDM jalin kerjasama dengan Cagamas

KUALA LUMPUR - Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) telah menandatangani perjanjian bersama Cagamas Bhd. (Cagamas) sebagai sebahagian daripada rancangan luar jangka bagi memastikan kesediaan operasinya.

Ketua Pegawai Eksekutif PIDM, Jean Pierre Sabourin berkata, kerjasama tersebut merupakan salah satu daripada urus niaga pembiayaan alternatif dalam memastikan perbadanan itu mempunyai akses kepada dana yang tersedia sekiranya diperlukan.

Menurut Sabourin, dana itu diperoleh daripada terbitan sekuriti hutang Cagamas pada pasaran modal. "Kerjasama dengan



Cagamas ini meliputi pelbagai inisiatif PIDM bagi memastikan kami bersedia untuk melaksanakan intervensi atau resolusi dengan segera terhadap institusi ahli yang bermasalah.

"Kesediaaan dan keberkesan-an operasi merupakan aspek kritikal bagi mencapai mandat PIDM dan memperkuuhkan perlindungan pelanggan kewangan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Perjanjian tersebut ditandatangani antara Sabourin serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas, Chung Chee Leong dalam sebuah majlis di sini baru-baru ini.

Mengikut Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Akta PIDM)



SABOURIN (dua dari kanan) berjabat tangan dengan Chee Leong pada majlis pemeretaian kerjasama antara PIDM dan Cagamas di Kuala Lumpur baru-baru ini.

2011, perbadanan tersebut merupakan pihak berkuasa melaksana resolusi negara bagi bank-bank ahli dan ahli penginsurans serta mempunyai pelbagai kuasa perundungan untuk melaksanakan intervensi awal terhadap institusi ahli yang bermasalah dalam mengurangkan kemungkinan ber-

lakunya kegagalan institusi ahli.

Sementara itu, Chee Leong berkata, kerjasama berkenaan dapat memberi manfaat bersama serta akan membantu mengukuhkan sumbangan PIDM dan Cagamas kepada industri kewangan secara keseluruhannya.